



SIARAN MEDIA

PERTANDINGAN PENGISAHAN KENEGARAAN 2025 WADAH SEMAI RASA CINTA GENERASI MUDA KEPADA NEGARA

PUTRAJAYA, 4 September 2025 – Menteri Komunikasi, YB Datuk Fahmi Fadzil hari ini merasmikan Pertandingan Akhir Pengisahan Kenegaraan@Kelab Malaysiaku Peringkat Kebangsaan 2025 bertempat di Menara Komunikasi.

Disaksikan lebih 400 tetamu yang hadir, pertandingan ini merupakan program sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2025 dengan kerjasama rakan kolaborasi strategik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pertandingan Pengisahan Kenegaraan mula diperkenalkan pada tahun 2003, merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) bagi memperkukuh semangat patriotik dan perpaduan nasional khususnya dalam kalangan generasi muda. Pertandingan ini mengetengahkan elemen lakonan dan penceritaan yang mengangkat mesej kenegaraan, kisah tokoh pejuang kemerdekaan, pemimpin negara serta sejarah perjuangan bangsa.

Pada edisi tahun ini, jumlah penyertaan secara keseluruhan adalah sebanyak 120 buah kumpulan terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang merupakan ahli Kelab Malaysiaku seluruh negara. Melalui proses saringan, enam (6) pasukan terbaik telah terpilih daripada 15 pasukan johan negeri untuk mara ke pertandingan akhir peringkat kebangsaan. Pertandingan akhir Pengisahan Kenegaraan 2025 yang bertemakan **“Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni”** ini menyaksikan Johan membawa pulang wang tunai berjumlah RM6,000.00 beserta piala pusingan, plak dan sijil kemenangan.

Hadir sama, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) Kementerian Komunikasi, Encik Mazlan Abdul Mutalib; Ketua Pengarah Penerangan, Puan Julina Johan serta Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Hazami Jahari.

**Dikeluarkan oleh:
Jabatan Penerangan Malaysia**

SENARAI KUMPULAN AKHIR

- 1. Negeri Perak**
Kumpulan: Pejuang S.I.S
Tajuk: Takdir Seorang Pejuang (Rosli Dhobi)
Sekolah: SMK Idris Shah
- 2. Negeri Sabah**
Kumpulan: The Last Rebel
Tajuk: Namamu Kekal Dalam Sejarah
Sekolah: SMK Kunak Jaya, Kunak
- 3. Negeri Sabah**
Kumpulan: Radin The Great
Tajuk: Jika Aku Tak Pulang
Sekolah: SMK Yam Tuan Radin
- 4. Negeri Pulau Pinang**
Kumpulan: Gema Nusantara
Tajuk: Lembaran Kisah Seutas Gelang
Sekolah: SMK Batu Maung
- 5. Negeri Johor**
Kumpulan: Seniwara Bakti
Tajuk: Bukit Kepong – Satu Inspirasi
Sekolah: SMK Sultan Abdul Jalil, Kluang
- 6. Negeri Sarawak**
Kumpulan: Rosli Dhobi
Tajuk: Rosli Dhobi
Sekolah: Sekolah Seni Malaysia Sarawak